

Tiada lagi sewa tapak melampau

Susulan pengurusan bazar Ramadan diambil alih DBKL

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
KUALA LUMPUR

Harga makanan dan minuman di bazar Ramadan Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dijangka lebih murah tahun ini kerana sewa tapak lebih munasabah susulan pengurusan sepenuhnya lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara diambil alih oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Harga jualan makanan dan minuman dijangka turun antara 10 hingga 20 peratus kerana peniaga hanya perlu membayar sewa tapak RM500 berbanding lebih RM5,000 ketika diuruskan orang tengah sebelum ini.

Seorang peniaga makanan di bazar Ramadan Lorong TAR pada tahun lalu yang tidak mahu

dinamakan berkata, jangkakan itu tidak mustahil berlaku berikutan kadar sewa yang berpatutan.

Jelasnya, peniaga sebelum ini terpaksa menjual makanan dan minuman dengan harga yang tinggi kerana mereka terpaksa membayar harga sewa tapak sehingga 10 kali ganda daripada nilai asal.

"Banyak sangat rungutan dalam kalangan peniaga kerana tahun-tahun sebelumnya mereka terpaksa bayar lebih RM5,000 untuk satu tapak," ujarnya ketika ditemui di Lorong TAR pada Jumaat.

Sementara itu, peniaga buah, Nadrah Nordin, 27, berkata, caj tapak rendah membolehkan peniaga menjual makanan dan minuman pada harga berpatutan.

"Peniaga juga dapat menyediakan makanan dan minuman berkualiti kerana tidak perlu kejar sasaran jualan yang tinggi bagi membayar tapak," ujarnya yang turut menjual minuman.

Seorang lagi peniaga minuman, Muhd Aiman Afiq Nin Awi, 20, berkata, ia juga dapat mengurangkan risiko peniaga mengalami kerugian besar.

"Kalau tapak mahal, barang mentah pun mahal, peniaga tidak dapat untung setimpal tambah pula kalau hari hujan peniaga minumanlah yang paling terjejas," ujarnya.

Bazar Ramadan Lorong TAR merupakan pusat beli belah ikonik menyebabkan ada pihak menawarkan tapak dengan bayaran puluhan ribu ringgit sebelum ini.

Namun, segalanya berubah pada tahun ini selepas DBKL mengambil keputusan untuk mengambil alih pengurusan bazar Ramadan bagi memastikan penjaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan, inisiatif itu dilaksanakan



NADRAH NORDIN



MUHD AIMAN AFIQ



CHE BASHAH



LAILATUL MARYAM

bagi menangani rungutan penjaja mengenai harga dikenakan bagi permohonan lesen perniagaan.

Sementara itu, rata-rata pengunjung di Lorong TAR yang ditemui berharap suasana di

bazar Ramadan akan menjadi lebih meriah dengan harga juadah lebih rendah.

"Kami berharap tiada kenaikan harga mendadak untuk makanan dan minuman, kalau sewa (caj) tapak rendah sepatutnya harga makanan juga rendah," ujar Che Bashah Abdullah, 72, dari Gombak.

Lailatul Maryam Othman, 38, pula berkata, bukan harga makanan dan minuman di bazar Ramadan sahaja perlu rendah tetapi kelengkapan menyambut Aidilfitri juga.

"Jualan murah hanya ketika akhir Ramadan dan sebelum itu harga kelengkapan menyambut Aidilfitri memang mahal, dan kita harap tahun ini lebih baik," ujarnya.

Bagi Azmi Ahmad, 43, adalah menjadi harapan bagi pembeli seperti ini, barangan makanan dan pakaian yang dijual dapat dijual pada harga berpatutan supaya lebih ramai yang mampu untuk berbelanja.

